

## BAB V

### KESAN PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN DALAM PEMBINAAN UMMAH

#### 5.0 Pendahuluan

Perjuangan Sayyid Qutb dalam menegakkan kebenaran ajaran Islam banyak menimbulkan kesan dan reaksi terhadap masyarakat Islam seluruhnya. Sebagai seorang tokoh pejuang Islam yang berani dan cekal ketabahan Sayyid Qutb perlu diteladani oleh masyarakat Islam. Pembinaan peradaban ummah ini dilakukan oleh beliau kerana melihat keadaan masyarakat Islam kini semakin terpesong disebabkan oleh arus pemodenan.

#### 5.1 Kesan Terhadap Masyarakat

Pembinaan peradaban ummah memberi kesan terhadap masyarakat Islam, terutamanya masyarakat Mesir juga masyarakat Islam seluruhnya. Pembinaan masyarakat melalui pelbagai bentuk ini menjadi contoh dan teladan terhadap masyarakat Islam di seluruh dunia dalam usaha meninggikan martabat masyarakat Islam. Wadah perjuangan yang dibawa oleh Sayyid Qutb menjadi ikutan pejuang-pejuang Islam selepasnya dalam usaha mereka membina kekuatan umat Islam dan kemajuan Islam.

Hukuman mati yang dijauhkan ke atasnya menimbulkan bantahan serentak daripada umat Islam dari merata dunia dan daripada berbagai-bagai kumpulan masyarakat, ulama, penulis, intelek, pensyarah, pemimpin politik, pemerintah,

wartawan, hakim dan kalangan peguam, mahasiswa dan para peniaga dan buruh. Kesemuanya meminta hukuman mati itu diringankan dan dibatalkan.<sup>1</sup>

Perjuangan Ikhwan Muslimin menentang Zionisme adalah suatu fakta yang jelas. Keluasan propaganda Zionisme ke atas media massa antarabangsa turut memberikan kesan ke atas pemikiran kaum intelek di Mesir. Akhbar dan siaran-siaran Ikhwan Muslimin mengancam perluasan propoganda komunis. Ini membuatkan ejen-ejen Zionis mula mengatur langkah ke arah memerangi Ikhwan lalu mewujudkan persekitaran yang anti Ikhwan Muslimin. Buku-buku terbitan Ikhwan Muslimin dan gerakannya adalah penyekat utama ke arah penyusupan unsur-unsur peradaban Amerika ke dalam kehidupan masyarakat Mesir. Ikhwan Muslimin bersikap menyekat dan menentang sebarang perluasan pengaruh politik Amerika ke Mesir, menghalang sebarang tekanan dari Amerika. Tiada sebuah pun negara Eropah yang menyenangi Ikhwan Muslimin lantaran tindakan Ikhwan Muslimin menguris sebarang pengaruh politik dan kebudayaan Barat yang masuk ke Mesir dari negara-negara Eropah ini, juga kerana peranan Ikhwan Muslimin yang berjuang demi Islam dan penyatuan dunia Islam.<sup>2</sup>

Kebanyakan pertubuhan dan pemimpin masyarakat dunia Islam yang berpengaruh telah mengemukakan rayuan mereka kepada Presiden Gamal Abd al Nasser agar mempertimbangkan semua hukuman tersebut. Ini kerana bagi masyarakat Islam hukuman tersebut adalah terlalu berat dan wajar dipertimbangkan.<sup>3</sup> Pengaruh Sayyid Qutb adalah amat luas dilihat dari sudut pembacaan oleh golongan-golongan agama terhadap buku-buku beliau dengan penampilan isi-isinya yang lengkap. *Kitab fi Zilal al-Quran* telah digunakan sebagai teks di kuliah-kuliah serta pengajian-

pengajian di masjid-masjid. Selain itu kitab ini juga mempengaruhi gerakan Islam yang bermatlamatkan ke arah pembangunan ummah seperti ABIM, PAS dan PUM.<sup>4</sup>

## 5.2 Kesan Terhadap Pemerintah

Beberapa tuduhan dibuat untuk memburukkan Ikhwan Muslimin iaitu dengan mengatakan pihak Ikhwan Muslimin menyimpan peluru dan membuat bom tetapi tiada bukti yang dapat diketengahkan. Tuduhan kedua ialah menghasut dan membangkitkan semangat pemberontakan yang dibuat berdasarkan pandangan dan buah fikiran Sayyid Qutb terutamanya di dalam buku *Ma'alim fi al-Tariq*.<sup>5</sup>

Pemerintahan Mesir bagaimanapun menafsirkan risalah Islam yang dibawa oleh Sayyid Qutb yang tepat itu sebagai suatu penghasutan ke arah satu revolusi bagi menentang pemerintah. Apa yang diperkatakan oleh Sayyid Qutb di dalam bukunya akan ditemukan oleh sesiapa sahaja sebagai serupa andainya seseorang itu mengkajinya sendiri. Tidaklah perlu diulangi lagi kandungan buku tersebut. Bagaimanapun pelbagai petikan daripada buku ini telah digunakan untuk membolehkan semula di dalam bentuk *verbatim*. Tuduhan-tuduhan ke atas Sayyid Qutb ini telah diterbitkan di dalam majalah Angkatan Tentera Jilid No.446 bertarikh 18 Oktober 1965. Majalah ini diterbitkan ketika perbicaraan ke atas Sayyid Qutb oleh Mahkamah tentera telahpun bermula. Majalah berkenaan telah mengisyiharkan Sayyid Qutb sebagai seorang penganas dan pengkhianat dan menuduh beliau merancang membuat kekacauan di Mesir dan sedang merancang suatu skim membinasakan pemerintah-pemerintah Mesir, pelakon-pelakon dan artis-artis perempuan Mesir.<sup>6</sup>

Tulisan-tulisan Sayyid Qutb dan terbitan-terbitan Ikhwan Muslimin telah berjaya menyemarakkan kesedaran Islam dan menjadikan pelbagai dakyah komunis menemui kegagalan. Kenyataan dari Ikhwan Muslimin yang menyatakan tekanan dan lobi oleh pihak komunis Rusia dan konco-konco Komunis di Mesir sebagai faktor mendorong kerajaan Mesir mengambil tindakan di atas Ikhwan Muslimin dan Sayyid Qutb ternyata benar. Presiden Gamal Abd al-Nasser telah buat kali pertamanya, menyebutkan kemungkinan mengambil tindakan ke atas Ikhwan Muslimin ketika berada di Moscow. Sekembalinya dari Moscow, Presiden Gamal Abd al-Nasser telah memulakan tindakan penangkapan beramai-ramai ke atas ahli-ahli Ikhwan Muslimin.<sup>7</sup>

### **5.3 Sayyid Qutb dihukum mati.**

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Sayyid Qutb dalam membangunkan ummah akhirnya mendapat tentangan dari pihak kerajaan sehingga beliau dijatuhi hukuman bunuh akibat dari tindakan beliau menyampaikan risalah Islam. Hukuman ini adalah suatu ketetapan yang telah dilakukan oleh pihak pemerintah agar pemikiran Sayyid Qutb tidak lagi mempengaruhi masyarakat ketika itu. Namun begitu Sayyid Qutb tetap tabah menghadapi cabaran tersebut sehingga beliau digelar sebagai asy-Syahid.<sup>8</sup>

Di dalam tahun 1954 beliau telah dihukum penjara 15 tahun kerana dituduh berniat jahat membunuh Presiden Gamal Abd al-Nasser, tetapi dengan campurtangan bekas Presiden Abd al-Salam Arif dari Iraq, tetapi telah dibebaskan pada akhir tahun 1964. Selang tidak berapa bulan kemudian beliau telah ditangkap semula dan dibicarkan oleh sebuah Mahkamah Khas Tentera, di mana Sayyid Qutb telah

dijatuhkan hukuman mati di tali gantung bersama dua orang rakan seperjuangnya, iaitu Yusuf Hawasy dan Abd al-Fattah Ismail.<sup>9</sup>

Hukuman dikenakan ke atas Sayyid Qutb kerana beliau mengutarakan persoalan uluhijyyah dan hakimiyah di dalam tauhid umat Islam. Persoalan-persoalan yang diutarakan oleh Sayyid Qutb ini menurut Adil Hamudah sepetimana juga tuduhan yang dibuat oleh rejim Gamal Abd al-Nasser, ialah perbuatan mengkafirkan orang Islam. Perbuatan seperti ini menurut mereka adalah satu perbuatan jenayah yang boleh membawa huru-hara kepada masyarakat. Lebih jelas lagi kenyataan-kenyataan Sayyid Qutb di dalam *Ma'alim fi al-Tariq* dan *Fi Zilal al-Quran* mengenai hak-hak Allah Qutb di dalam *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Hakimiyyah* adalah seruan revolusi supaya menggulingkan kerajaan.<sup>10</sup>

Pada tahun 1965, Sayyid Qutb dipenjarakan dengan tuduhan mengepalai konspirasi Ikhwan Muslimin untuk menggulingkan kerajaan.<sup>11</sup> Beliau telah dihadapkan ke mahkamah boneka dengan peguam bela yang dilantik sendiri oleh kerajaan. Dengan keputusan mahkamah yang telahpun ditentukan beliau bersama-sama beberapa orang pengikut Ikhwan Muslimin yang lain telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Pada waktu subuh 29 Ogos 1965<sup>12</sup> hukuman gantung tersebut telah dilaksanakan. Gugurlah seorang syahid pergi mengadap Tuhannya setelah membuktikan kesucian dan keikhlasan perjuangannya. Dari seorang anak yang kecil sehingga ke akhir hayatnya beliau tidak rela untuk tunduk akur kepada kezaliman.

### 5.3 Kesannya Di Malaysia

Perjuangan dan pemikiran Sayyid Qutb ini telah memberi kesan terhadap negara-negara luar di peringkat antarabangsa khususnya di Malaysia. Di Malaysia terdapat beberapa buah pergerakan Islam terutama yang beraliran traditionalis dan fundamentalis sebagai mana aliran pemikiran yang dibawa oleh Sayyid Qutb menerusi *al-Ikhwan*. Terdapat beberapa pergerakan Islam beraliran fundamentalis yang bersifat tajid yang dikira mempunyai pengaruh daripada konsep al-Hakimiyyah sebagaimana yang diutarakan oleh Sayyid Qutb. Gerakan-gerakan yang dimaksudkan ialah gerakan yang mengasaskan Islam sebagai al-Din dan memperjuangkan kewujudan sebuah masyarakat dan pemerintahan Islam. Antara gerakan-gerakan Islam di Malaysia yang mempunyai kriteria ini ialah Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).<sup>13</sup>

Di dalam mengkaji pengaruh Sayyid Qutb terutamanya mengenai konsep Hakimiyyah yang diutarakannya, pada gerakan-gerakan Islam di Malaysia, ia tidak boleh dipisahkan daripada mengkaji perkembangan pemikiran Ikhwan Muslimin. Persoalan tauhid Hakimiyyah yang diutarakan oleh Sayyid Qutb menjadi *force* kepada perjuangan Ikhwan Muslimin sesudah al-Banna.<sup>14</sup> Apa yang ditekankan oleh Sayyid Qutb mengenai tauhid Hakimiyyah merupakan pengukuhan terhadap wawasan awal al-Banna dalam cita-cita perjuangannya.

Konsep al-Hakimiyyah oleh Sayyid Qutb telah mempengaruhi PAS dan ABIM di Malaysia. Sejak tahun 1950 an ia dibawa oleh PAS. Bagaimanapun antara pertengahan 1960 an hingga akhir 1970 an pemikiran ini mula tersisih di dalam PAS

dan diambil alih oleh ABIM. Namun begitu semenjak awal tahun 1980 an ABIM pula tidak menggemarkinya dan sebaliknya ia kembali bergerak subur di dalam PAS.<sup>15</sup>

Pemikiran Sayyid Qutb digunakan di dalam perjuangan parti PAS. Menurut Datuk Nik Aziz Nik Mat, beliau telah mengikuti pemikiran Sayyid Qutb semenjak menuntut di India tahun 1957 melalui seorang Ikhwan yang menjadi tenaga pengajar di tempatnya, Dar Ulum Deoband. Beliau ialah Abdul Mun'im al-Namir dari Mesir. Beliau membawa bersamanya buku al-Adalah Al-Ijtima'iyyah karangan Sayyid Qutb yang akhirnya dijadikan teks pengajian bahasa Arab di situ.<sup>16</sup>

Menurut Datuk Nik Aziz Nik Mat, buku *Fi Zilal al-Quran* memberi kesan kepada dirinya terutamanya mengenai konsep Islam sebagai al-Din dan konsep al-Hakimiyyah dari segi tauhid. Membaca kedua-dua konsep ini beliau merasakan Hakimiyyah dari segi tauhid. Membaca kedua-dua konsep ini beliau merasakan terhutang budi terhadap Sayyid Qutb kerana ianya tidak pernah disebut dengan sebegitu jelas oleh mana-mana ulama sebelumnya.<sup>17</sup>

Salah seorang yang turut bertanggungjawab menyebarkan pemikiran Hakimiyyah daripada Sayyid Qutb di Kelantan, khususnya ialah bekas Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan (1959-1978) Salahuddin bin Abdullah. Menurutnya, beliau mendapat bimbingan pemikiran Ikhwan Muslimin daripada tokoh Masyumi Allahyarham Profesor Abdul Qahar Muzakkir sewaktu menurut di Universiti Islam Indonesia.<sup>18</sup>

Pengaruh pemikiran Sayyid Qutb dalam perjuangan ABIM dapat dilihat melalui sejarah penubuhannya, Mohd Nor Manutty mengatakan bahawa ianya tidak dapat

dipisahkan daripada sejarah dan peranan PKPIM. PKPIM sebagai satu gerakan pelajar Islam yang terbesar dan berpengaruh ditubuhkan pada tahun 1961, sebagai memenuhi keperluan wadah perjuangan bagi ribuan pelajar-pelajar Islam di seluruh Asia.<sup>19</sup>

Dari segi ideologi perjuangannya, PKPIM diinspirasikan oleh idea-idea perjuangan dua buah gerakan Islam antarabangsa iaitu Ikhwan al-Muslimin dan Jama'at al-Islamiyy. Ini dapat dilihat daripada ucapan-ucapan (pimpinan) dan penulisan-penulisan di dalam PKPIM yang menekankan konsep Islam sebagai al-Din suatu cara hidup yang menyeluruh.<sup>20</sup>

Razali Nawawi, bekas presiden ABIM (1971-1974), juga turut menyatakan bahawa ABIM bertanggungjawab membawa pemikiran Ikhwan Muslimin secara sistematis dan berkesan di negara ini. Selain penyebaran dakwah secara umum, pemikiran ini dapat dikembangkan secara berkesan melalui sistem usrah. Menurutnya usrah di dalam ABIM merupakan kelangsungan daripada usrah yang dimulakan di London pada tahun 1968. Yang diketuai oleh Razali Nawawi sebagai naqib. Teks utama yang digunakan di dalam usrah itu ialah *Fi Zilal al- Quran*, terjemahan bahasa Inggeris oleh Maududi.<sup>21</sup>

Menurut Razali Nawawi lagi, usrah tersebut diadakan dalam suasana dan keinsafan terutama setelah Sayyid Qutb dihukum mati pada tahun 1966. Akibat kematiannya golongan-golongan Islam yang didominasikan oleh Jama'at al-Islam dan juga anggota-anggota Ikhwan Muslimin mengambil daya usaha menghidupkan pemikiran Sayyid Qutb seperti menyebarkan buku-buku karangannya secara percuma.

Antara buku-buku yang tersebar ialah *Hadha al-Din*, *al-Mustaqbali Hadha al-Din* dan *Ma'alim fi al-Tariq*.<sup>22</sup>

Mereka ini kebanyakannya menyertai PAS dan menjadi pimpinannya. Pada tahun 1970 an apabila ABIM bergerak aktif, pertubuhan itu juga turut menyebarkan pemikiran Ikhwan khususnya Sayyid Qutb. Penyebaran pemikiran tersebut melalui ABIM pada masa itu dibuat di atas keyakinan bahawa pemikiran seperti itu adalah satu kebenaran.<sup>23</sup>

Bagi Persatuan Ulama Malaysia (PUM) pula , Sayyid Qutb tidak asing lagi bagi mereka Hal ini memandangkan tokoh-tokoh PUM sendiri terdiri daripada ulama-ulama yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah terutamanya Mesir, begitu juga dengan karangan beliau. Dengan kata lain, PUM juga terpengaruh dengan penulisan Sayyid Qutb.<sup>24</sup>

Dalam konteks Harakah Islam, kitab *Fi Zilal Quran* banyak meninggalkan kesan. Selain daripada tafsir ini buku-buku beliau yang lain juga digunakan seperti *Ma'alim fi al-Tariq* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Bagi mereka yang mendekati Islam dalam zaman dekad kebangkitan Islam, kitab ini memberi kesan yang asas dalam memahami Islam dan memandang bahawa Islam iu sebagai agama harakiy dan dinamik.<sup>25</sup>

### Rumusan

Pembinaan peradaban ummah menurut Sayyid Qutb menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat Mesir juga pemerintah dan masyarakat dunia seluruhnya.

Perjuangan Sayyid Qutb dalam pembebasan ummah merupakan suatu jihad ke arah memisahkan unsur-unsur jahiliyyah dengan ajaran Islam yang sebenar. Sayyid Qutb seorang pejuang Islam yang sanggup menempuh apa jua cabaran dalam menghadapi perjuangan sucinya menegakkan agama yang suci dari unsur-unsur Barat yang bersifat materialistik dan duniawi.

Sifat-sifat keperibadian yang ada pada Sayyid Qutb menjadikan beliau seorang pejuang yang tabah dalam menghadapi apa jua rintangan dalam perjuangannya. S. Badrul Hasan dalam bukunya *Bibliografi Asy-Shahid Sayyid Qutb Rahimahullah* menyatakan bahawa faktor penentu di dalam setiap negara ialah kesungguhan, ketabahan, berhati-hati, disiplin, perancangan dan ketinggian moral di kalangan rakyat awam dan adalah suatu kemestian untuk menterjemahkan ikatan masyarakat awam ini dengan Islam ke dalam suatu faktor kekuatan demi kebangunan semula Islam. Keutamaan hendaklah diberikan kepada kebebasan daripada tekanan-tekanan ekonomi, kuasa-kuasa asing dan kebebasan dari sebarang kebergantungan terhadap mereka termasuklah dari sudut ketenteraan demi pembinaan semula ketenteraan Islam.<sup>26</sup>

Apa yang dilakukan oleh Sayyid Qutb merupakan suatu kemenangan dalam usaha beliau menghindari unsur-unsur jahiliyyah di kalangan masyarakat Mesir. Penampilan beliau yang berani menghadapi ujian merupakan suatu model terbaik kepada masyarakat Islam seluruhnya dalam menegakkan kebenaran Islam di zaman yang serba mencabar ini. Dengan adanya kesepaduan di kalangan masyarakat Islam , maka akan kukuhlah kekuatan Islam di dalam menghadapai ancaman kuasa-kuasa besar yang sentiasa memusuhi Islam.

## **Nota Hujung**

1. S. Badrul Hasan, *Bibliografi Asy-Syahid Sayyid Qutb* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), hlm. 47.
2. Ibid., hlm. 54.
3. Ibid., hlm. 54.
4. Norhayati Mohd Damin, Metod Pentafsiran Sayyid Qutb Menerusi Kajian Kitab Fi Zilal al-Quran: Suatu Kajian Tentang Kesannya Terhadap ABIM, PAS dan PUM, Latihan Ilmiah Universiti Malaya 1992, hlm. 136.
5. Ibid., hlm. 80.
6. S. Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm. 33-34.
7. Ibid., hlm. 42-43.
8. Ibid., hlm. 33.
9. Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan, Cetakan Kelapan* (Kuala Lumpur: Cresent News (KL) Sdn.Bhd, 1994), hlm .1.
10. S. Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm .32.
11. Ibid., hlm. 44.
12. Sayyid Qutb, *Inilah Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2000), hlm.1.
13. Mohd Fauzi Zakaria, Al-ILahiyyat Menurut Sayyid Qutb, Kajian Terhadap Konsep al-Hakimiyah dan Pengaruhnya Kepada Gerakan Islam di Malaysia, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 1991, hlm. 303.
14. Ibid., hlm .306-307.
15. Ibid., hlm.358.
16. Ibid., hlm. 330.
17. Ibid., hlm.330.

18. Ibid., hlm. 331-332.
19. Ibid., hlm. 337.
20. Ibid., hlm .74-75.
21. Ibid., hlm. 345.
22. Ibid., hlm .346.
23. Ibid., hlm. 349.
24. Norhayati Mohd Damin, Metod Pentafsiran, hlm. 85.
25. Ibid.hlm. 85.

## KESIMPULAN

Sistem Islam yang komprehensif sebagai sumber utama pembentukan masyarakat Islam telah menangkis segala kekeliruan yang wujud di kalangan masyarakat Islam. Bab ini juga merumuskan bahawa pembentukan masyarakat Islam adalah disebabkan oleh pemimpinnya berwibawa dan sanggup berjuang dalam menghadapi apa jua rintangan. Sayyid Qutb sebagai model pejuang Islam yang tulen berjuang menegakkan Islam dengan mengakhiri hidupnya di tali gantung merupakan tokoh pejuang Islam yang perlu diteladani. Pembinaan peradaban ummah oleh Sayyid Qutb telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat Mesir ketika itu. Bagi Sayyid Qutb pula beliau telah menerima hukuman kesan pembaharuan corak masyarakat yang dilakukan oleh beliau dengan menerima hukuman mati kerana dikatakan telah mengingkari undang-undang negara dan pemerintahan.

Gagasan aqidah yang dibawa oleh Sayyid Qutb telah memberi kesan yang amat besar terhadap masyarakat Islam. Melalui gagasan ini masyarakat Islam telah berjaya dirongkaikan dari pengaruh pemikiran barat dan berlaku pembinaan semula cara hidup Islam seterusnya membawa masyarakat Islam kembali kepangkuhan Islam sebenar. Gagasan aqidah ini juga telah menjadi model dalam perjuangan beberapa reformis Islam juga kumpulan-kumpulan pejuang Islam. Konsep mentauhidkan Allah dan meletakkan ketinggian dan keesaan Allah S.W.T menjadikan gagasan yang dibawa oleh Sayyid Qutb ini dianggap berjaya menyelamatkan masyarakat Islam dari terus

terjerumus ke kancang kerosakan akibat pengaruh barat yang merosakkan aqidah umat Islam.

Gagasan politik yang dibawa oleh Sayyid Qutb memberi kesan yang mendalam kepada umat Islam dalam perjuangan mereka menegakkan dan mempertahankan kesucian ajaran Islam. Gagasan politik yang dibawa menjamin masyarakat Islam dalam kehidupan mereka dimana konsep syura yang digunakan menjamin keselesaan hidup masyarakat. Gagasan ini juga telah menjadi model dalam perjuangan beberapa kumpulan Islam suatu masa dahulu sehingga sekarang. Di Mesir pula gagasan ini telah diterima pakai secara positif dalam sistem pemerintahan negaranya dengan pembentukan semula sistem kerajaan berdasarkan Islam yang wujud semacam suatu desakan masa pada masa itu. Begitu juga di negara-negara Islam lain termasuk Malaysia gagasan ini menjadi model dalam perjuangan mereka bagi menegakkan ajaran yang suci lagi sempurna ini.

Gagasan undang-undang yang dibawa oleh Sayyid Qutb iaitu shariah telah berhasil melumpuhkan peradaban barat dan muncul semula keperibadian dan peradaban Islam. Masyarakat Islam Mesir sudah kembali mengamalkan sistem perundangan Islam yang berasaskan shariah. Sistem pendidikan juga turut dilaksanakan selaras dengan tuntutan perundangan Islam. Gagasan ini bukan sahaja menjadi inspirasi masyarakat Mesir, malah juga masyarakat Islam di seluruh dunia sedar keadilan sistem pemerintahan Islam yang menjamin kesejahteraan dan keamanan negara. Sumber perundangan yang digunakan dalam sistem pemerintahan negara berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, cuba

menyatukan semula masyarakat Mesir ketika itu. Reaksi gagasan ini juga dirasai oleh masyarakat Islam diseluruh dunia sehingga membangkitkan semangat keislaman dalam jiwa mereka bagimempertahankan hak-hal mereka dalam kehidupan.

Walaupun Sayyid Qutb menolak sistem barat dalam pemerintahan beliau berpendapat setiap orang Islam boleh mencedok dan belajar ilmu sains, perubatan, pertanian, kaedah pentadbiran dan sebagainya daripada barat. Ini kerana, bagi Sayyid Qutb, soal-soal ini tidak ada hubungannya dengan konsep manusia Muslim, dan tiada ancaman kegelinciran aqidah atau murtad dengan mempelajari ilmu sains tersebut. Bagi beliau perkara yang tidak dapat diterima hanyalah masalah-masalah yang khusus mengenai akidah dan konsep umum, atau nilai-nilai dasar sistem politik, sosial, ekonomi, sejarah kemanusiaan dan sebagainya. Seseorang muslim tidak boleh belajar semuanya ini melainkan melalui seorang muslim yang dipercayai keteguhan imannya dan ketaqwaannya, yang menghayati Islam dalam segenap aspek hidupnya.

Melalui rentetan peristiwa yang berlaku di Mesir tersirat beberapa pengajaran penting dalam gerakan Islam. Ajaran Islam mula didalami dan dihuraikan serta lahirnya beberapa karya yang bercorak Islam untuk sebagai medium utama masyarakat dalam memahami ruh perjuangan Islam. Semangat perjuangan Islam mula tersebar luas sehingga suatu masa dahulu bahangnya terasa diseluruh pelosok dunia Islam termasuk negara kita Malaysia. Hampit keseluruhan negara umat Islam, gerakan Islam telah berjaya mendapat sokongan meluas daripada semua lapisan masyarakat, generasi muda dan terpelajar serta media massa.

Menurut Sayyid Qutb seluruh falsafah, seluruh pandangan dan faham-faham kemasyarakatan, kecuali hasil yang berdasarkan penyelidikan dan statistik adalah terpengaruh secara langsung dengan konsep Jahiliyyah yang hampir seluruhnya bertentangan dengan konsep agama, khususnya dengan konsep Islam. Oleh itu amat patut dan wajar masyarakat Islam mematuhi ajaran Islam sebenar sebagaimana yang telah digagaskan oleh beliau.

Masyarakat Islam dapat dibentuk di bawah satu sistem Islam yang diciptakan oleh Allah sesuai untuk umat manusia. Setiap individu wajar mematuhi dan mengimani segala perintah Allah. Dengan adanya kesepaduan dalam menyempurnakan akidah, akhlak dan syariah maka akan lahirlah masyarakat Islam yang mempunyai nilai tamadun yang tinggi berbanding dengan masyarakat lainnya. Ajaran Islam amat menitikberatkan masyarakatnya agar bersih dari setiap perkara yang boleh menghapuskan rasa kasih-sayang. Oleh itu Islam melarang sama sekali orang zalim untuk menjadi pemerintah terhadap orang-orang Islam. Tidak ada tempat bagi orang-orang yang zalim dalam masyarakat Islam.

Seseorang muslim tidak dibenarkan mencerobohi saudaranya sesama Islam dengan apa bentuk pencerobohan sekalipun. Tidak boleh menyatakan apa yang tidak baik terhadap saudaranya. Tidak melemparkan sebarang tuduhan yang palsu. Islam melarang semua perkara walaupun kelihatan kecil yang mungkin menghalang wujudnya rasa kasih--sayang dan musnahnya masyarakat. Begitu juga Islam melarang perbuatan mengintip urusan orang lain. Ukhuwwah Islamiyyah merupakan asas perpaduan masyarakat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa dengan kedatangan Islam,

ukhuwwah Islam atau persaudaraan yang berasaskan agama telah mengambil tempat semangat perkauman dan kebangsaan yang berleluasa pada zaman jahiliyyah.

Masyarakat Islam hendaklah memastikan bahawa soal spiritual dan material berjalan secara sepadau dan seiring. Islam menggalakkan agar umatnya mengutamakan kedua-duanya tanpa melebihkan salah satu daripadanya. Allah s.w.t memerintahkan umat manusia agar menikmati kedua-dua bidang tersebut, serta menyediakan jalan yang sewajarnya ke arah pengisian kedua-dua bidang ini.

Masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat yang penuh disiplin dan mengikut peraturan dalam kehidupan. Antara sistem dan disiplin Islam ialah memastikan setiap masyarakat muslim ada pemimpin yang akan mentadbir dan menjaga urusan mereka. Ketaatan kepada pemimpin dalam perkara yang tidak bertentangan dengan syarak akan dapat melicinkan pentadbiran negara malah masyarakat Islam akan dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera.

Bagi melahirkan masyarakat Islam yang berkembang maju masyarakat Islam hendaklah sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa. Dalam menyelesaikan masalah yang timbul di dalam masyarakat, mereka seharusnya mempunyai keadaan penyelesaian yang tersendiri berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Kelangsungan prinsip-prinsip ini akan mengwujudkan suasana yang tenang bagi setiap anggota masyarakat di dalam menghadapi sebarang perubahan budaya dan kebendaan yang berlaku.

Masyarakat Islam adalah masyarakat yang dinamis kerana dapat menerima sebarang perubahan yang tidak melepas batas-batas syarak.

Islam didatangkan oleh Allah melalui rasulnya iaitu nabi Muhammad S.A.W untuk menyempurnakan semua agama-agama terdahulu. Islam didatangkan dalam bentuk yang sempurna sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa, warna kulit, pangkat dan sebagainya. Kesatuan ajaran yang mengarahkan agar umat manusia bersatu menyembah Allah s.w.t telah meletakkan Islam sebagai agama segajat. Masyarakat Islam mempunyai kebebasan, kehendak dan pemikiran juga mereka dimuliakan dari sebarang bentuk perhambaan dan penindasan.

Sistem Islam yang lengkap ini merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat yang berkaitan tentang dunia dan akhirat, politik, ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan. Sistem Islam ini akan terlaksana sekiranya setiap anggota masyarakat bertanggungjawab di dalam melaksanakannya. Islam juga telah menggariskan kaedah-kaedah jaminan rohani dan jasmani untuk kebahagiaan hidup masyarakat di dalam mencapai cita-cita mereka.

Sistem Islam telah menjamin kehidupan manusia dari semua bentuk keburukan, dengki, fitnah, dusta, pencabulan hak, kehormatan dan menggalakkan agar masyarakatnya bersatu-padu, bersopan santun, tolong menolong dan berkasih sayang dalam menjalani kehidupan agar penjanaan sebuah masyarakat Islam yang berkembang

maju dapat dibentuk dan terlaksana. Maka masyarakat Islam yang lahir merupakan masyarakat yang terhormat dan paling mulia berbanding dengan masyarakat lainnya.

Pembinaan peradaban ummah di kalangan masyarakat Islam merupakan suatu cita-cita dan harapan masyarakat. Masyarakat Islam kini mementingkan kemajuan seiring dengan perkembangan kemajuan dunia hari ini. Pelbagai kesepaduan elemen pembentukan masyarakat diperlukan dalam membentuk sebuah masyarakat yang menjalankan sistem Islam dan menjadikan prinsip ini sebagai aset utama dalam pembentukan masyarakat Islam yang bertamadun.

Pembinaan peradaban ummah oleh tokoh pejuang Islam Asy-Syahid Sayyid Qutb telah memperlihatkan kepada kita bahawa amat sukar untuk membentuk masyarakat Islam sekiranya tiada kesepaduan dalam masyarakat tersebut. Masyarakat yang bersatu padu memperjuangkan agama juga prinsipnya akan dapat melahirkan masyarakat yang maju dalam kehidupan mereka. Pembinaan peradaban ummah yang dilakukan oleh beliau melalui akidah, politik dan undang-undang telah menemukan beliau dengan pelbagai cabaran dan rintangan dalam usaha mengembalikan masyarakat Islam ke jalan yang benar dan menangkis unsur-unsur yang dianggap jahiliyyah.

Islam tidak menentang kemodenan, malah menggalakkan umatnya agar berpengetahuan dan mengamalkan pelbagai bentuk kemajuan dalam menjalani kehidupan. Kemodenan yang dicadangkan oleh Islam bukanlah dalam bentuk modenisme yang dilaungkan oleh sarjana barat. Sesuai dengan prinsip Islam yang

sesuai dengan suasana, tempat dan masa. Kemodenan juga diterima oleh Islam selagi ia tidak mengatasi batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah.

Apa yang penting dalam sesebuah masyarakat ialah pemimpin yang patuh kepada perintah Allah untuk menerajui perjuang Islam dengan menggunakan konsep tajdid dan Islah dalam membangunkan sesebuah masyarakat selaras dengan perkembangnan dunia pada hari ini. Pendakwah-pendakwah seharusnya menerapkan nilai-nilai keislaman yang sebenar agar masyarakat yang diterajuinya dapat hidup di bawah kawalan sistem Islam. Gagasan-gagasan Sayyid Qutb dalam perjuangan mempertahankan agama Islam dan masyarakat perlu dan diteladani oleh masyarakat kini bagi memelihara kesucian agama Islam.

Pembinaan peradaban ummah yang digagaskan oleh Sayyid Qutb ini juga menimbulkan sikap *extremisme* di kalangan masyarakat Mesir ketika itu di mana wujudnya isu kafir-mengkafir hasil daripada pandangan Sayyid Qutb yang membahagikan masyarakat kepada Islam dan jahiliyyah. Jahiliyyah yang ditakrifkan oleh Sayyid Qutb ialah mereka yang tidak mengamalkan Islam sepenuhnya dan golongan ini juga terdiri daripada orang-orang Islam sendiri. Dengan ini juga telah melahirkan beberapa perselisihan faham di kalangan masyarakat Islam sendiri.

Akhir kata penulis mengharapkan agar kajian ini dapat dijadikan panduan kepada masyarakat Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran Islam. Sesungguhnya kecelakan akan menimpa masyarakat sekiranya mereka mengabaikan sistem Islam.

Semoga usaha-usaha yang telah dilakunya dalam pembangunkan masyarakat oleh pejuang-pejuang Islam terutamanya Sayyid Qutb, Hassan Al-Banna Al-Maududi dan lainnya mendapat keredahaan, keberkatan dan pembalasan dari Nya jua.